

## PRESS STATEMENT

### **IDEAS: Concrete steps towards AG's office separation welcomed, clear timeline and indicators must be made public**

**Kuala Lumpur, 13 September 2023:** The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) lauds the [progress](#) that has been made by the Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reforms) Dato' Seri Azalina Othman Said in setting up two task forces as part of an effort to expedite the separation of the office of the Attorney General (AG) and the Public Prosecutor (PP).

As we have [stated](#) previously, IDEAS stands ready to offer our assistance in helping the government to expedite this critical process of institutional reform, especially in the proposed taskforce for a comparative study. IDEAS offers our insights and recommendations to the taskforce, as we have published a policy paper titled '[Separating the Attorney-General and Public Prosecutor: Enhancing Rule of Law in Malaysia](#)' in 2016. The policy paper examines global best practices in countries such as the UK, Kenya, the US and India, which is consistent with the taskforce's mandate to conduct evidence-based research from England, Kenya, Australia and Canada. [Bersih's paper](#) published in 2021 is also an important reference in this reform effort.

IDEAS also applauds the inclusion of members of the Parliamentary Special Select Committee (PSSC) on Human Rights, Elections and Institutional Reforms and Opposition Members of Parliament in the taskforce. Cross-partisan collaboration and a greater role of the PSSC in critical institutional reforms is a welcome development as incorporating a multitude of viewpoints from across the political spectrum will improve policymaking, while also empowering democratic institutions in Parliament.

"IDEAS would like to remind the government and the public that an independent AG's office should be just one part of the indispensable package of reforms that the government should undertake, which also includes the Political Financing Act, the Fiscal Responsibility Act as well as the Constituency Development Funds Act. We also applaud the government's planned tabling of the [Parliamentary Services Act](#) in October. All these reforms will strengthen Malaysia's democratic institutions, ensure their independence from political interference, as well as improve investor confidence in Malaysia while also stabilising the political upheavals that have plagued the country over the last few years," stated Dr Tricia Yeoh, CEO of IDEAS.

"In a few days' time, we will once again celebrate Malaysia Day. There is no time like the present for us all to commit strongly towards a Malaysia where its *rakyat* has full trust

in the country's institutions. It is my hope that the government will prioritise meaningful actions and avoid unnecessary steps that might hinder much-needed reforms," ended Dr Yeoh.

--- END ---

**For enquiries, please contact:**

Aira Azhari  
Senior Manager  
Democracy and Governance Unit  
[aira@ideas.org.my](mailto:aira@ideas.org.my)

**About IDEAS**

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).

## KENYATAAN MEDIA

### **IDEAS: Langkah konkrit ke arah pemisahan jabatan Peguam Negara dialu-alukan, garis masa dan penunjuk jelas perlu dimaklum kepada umum**

**Kuala Lumpur 13 September 2023** – Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) memuji [kemajuan](#) yang telah dicapai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Dato' Seri Azalina Othman Said dalam menubuhkan dua pasukan petugas sebagai sebahagian daripada usaha untuk mempercepat pemisahan jabatan Peguam Negara (AG) dan Pendakwa Raya (PP).

Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, IDEAS bersedia untuk menawarkan bantuan dalam membantu kerajaan mempercepat proses penting pembaharuan institusi ini, terutamanya dalam pasukan petugas yang dicadangkan untuk kajian perbandingan. IDEAS menawarkan pandangan dan cadangan kepada pasukan petugas, kerana kami telah menerbitkan satu kertas dasar bertajuk '[Separating the Attorney-General and Public Prosecutor: Enhancing Rule of Law in Malaysia](#)' pada tahun 2016. Kertas dasar ini mengkaji amalan terbaik global di negara-negara seperti United Kingdom, Kenya, Amerika Syarikat dan India, yang konsisten dengan mandat pasukan petugas untuk menjalankan penyelidikan berasaskan bukti dari England, Kenya, Australia dan Kanada. [Kertas kerja Bersih](#) yang diterbitkan pada tahun 2021 juga menjadi rujukan penting dalam usaha reformasi ini.

IDEAS turut memuji kemasukan ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) mengenai Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Pembaharuan Institusi serta Ahli Parlimen Pembangkang dalam pasukan petugas. Kerjasama merentas parti dan peranan JPKP yang lebih besar dalam pembaharuan penting institusi adalah perkembangan yang dialu-alukan kerana menggabungkan pelbagai sudut pandangan dari seluruh spektrum politik akan meningkatkan penggubalan dasar, di samping memperkasakan institusi demokrasi di Parlimen.

“IDEAS ingin mengingatkan kerajaan dan orang ramai bahawa jabatan Peguam Negara yang bebas seharusnya menjadi sebahagian daripada pakej pembaharuan yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan, yang turut merangkumi Akta Pendanaan Politik, Akta Tanggungjawab Fiskal serta Akta Dana Pembangunan Kawasan Pilihan Raya. Kami juga memuji rancangan pembentangan Akta Perkhidmatan Parlimen oleh kerajaan pada bulan Oktober. Semua pembaharuan ini akan mengukuhkan institusi demokrasi Malaysia, memastikan kebebasan institusi daripada campur tangan politik, serta meningkatkan keyakinan pelabur terhadap Malaysia di samping menstabilkan pergolakan politik yang melanda negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini,” kata Dr Tricia Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS.

"Dalam masa beberapa hari lagi, kita akan sekali lagi menyambut Hari Malaysia. Kini adalah masa yang tepat untuk kita semua komited terhadap sebuah negara Malaysia yang rakyatnya mempunyai kepercayaan penuh terhadap institusi negara. Adalah menjadi harapan saya agar kerajaan akan mengutamakan tindakan yang bermakna dan mengelakkan langkah-langkah yang tidak perlu yang mungkin menghalang pembaharuan yang amat diperlukan," ujar Dr Yeoh sebagai kesimpulan.

-TAMAT-

**Sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

Aira Azhari  
Senior Manager  
Democracy and Governance Unit  
[aira@ideas.org.my](mailto:aira@ideas.org.my)

**Tentang IDEAS**

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).